



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 17 OGOS 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TUNGGU DATA JPV, DOSM UNTUK PERTIMBANG EKSPORT AYAM, LOKAL, HM -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	300 PESAWAH RUGI RM1.5 JUTA, NEGERI KEDAH, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	PELABUHAN CETEK SUKARKAN Pendaratan ikan, NASIONAL, SH -22	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	SEGERAKAN PROJEK PEMULIHAN PELABUHAN CHENDERING, NASIONAL, SH -22	
5.	SETANDING HARUM MANIS, LOKAL, HM -23	LAIN-LAIN
6.	INDUSTRI PADI PERLU DIPERKUKUHKAN, K2, KOSMO -22	
7.	CURB FOOD PRODUCTION COST, LETTERS, NST -13	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Tunggu data JPV, DOSM untuk pertimbang eksport ayam'

**Putrajaya:** Keputusan membenarkan semula pe-  
ngeksportan ayam serta pe-  
netapan harga siling baharu  
ayam dan telur hanya akan  
diputuskan selepas keme-  
nterian serta agensi berkaitan  
mengemukakan laporan ter-  
perinci berhubung kedu-dua  
barang dan permintaan  
bekalan kepada Pasukan Ji-  
had Tangami Inflasi.

Pengerusinya Tan Sri An-  
nuar Musa berkata, keme-  
nterian serta agensi berkaitan  
termasuk Jabatan Perkhid-  
matan Veterinar (JPV) dan

Jabatan Perangkaan (DOSM)  
diberi masa seminggu untuk  
mengemukakan dapatan me-  
reka kepada jawatankuasa.

Beliau berkata, penetapan  
harga ayam dan telur dalam  
pasaran berdasarkan pewar-  
taan sekarang ialah sehingga  
31 Ogos manakala penilaian  
mengemai langkah seterusnya  
pascanya 31 Ogos akan me-  
ngambil kira input termasuk  
daripada JPV dan DOSM.

"Pada masa ini, tidak perlu  
ada sebarang spekulasi ke-  
rana kita akan melihat ke-  
pada data dan kaedah yang

tempatan dan kuantum  
yang dijangka boleh dieks-  
port semula.

Beliau berkata, DOSM di-  
minta membuat pengiraan  
berdasarkan kajian di lapa-  
ngan kos sebenar pengelu-  
ran bagi setiap ekor ayam  
dalam negara.

"Angka itu penting bagi  
jawatankuasa menen-  
tukan berapakah  
harga siling  
yang munasa-  
bah untuk  
memasti-  
kan kawa-

DOSM kira kos  
sebenar pengeluaran  
bagi setiap ekor ayam

lan harga yang berkesan dan  
juga untuk kita berlaku adil  
kepada penternak yang ka-  
dangkala menghadapi teka-  
teki mengenai pengeluaran ber-  
puncanya kos pengeluaran ber-  
import seperti bijirin dan se-  
bagainya," katanya.

JPV pula dikehendaki me-  
nentukan pertalian antara  
bekalan ayam yang dibenar-  
kan diimport, ayam yang di-  
import disimpan sebagai  
stok penimbun, ayam diim-  
port yang dimasukkan da-  
lam pasaran serta menga-  
mbil kira harga ayam yang

dikeluarkan dalam pasaran  
bagi menentukan jumlah  
stok yang ada pada satu-satu  
masa dan jumlah keperluan  
untuk dieksport.

"Selepas angka-angka ini  
dibentangkan kepada jawa-  
tankuasa, barulah kita boleh  
memutuskan sama ada kita  
nak mengkaji semula dasar  
tidak dibenarkan mengeks-  
port ayam pada masa ini  
serta dasar membenarkan  
ayam boleh diimport tanpa  
AP (Permit Import) seper-  
timana yang diumumkan  
sebelum ini," katanya.

17/8/2022

SINAR  
HARIANNEGERI  
KEDAH

26

# 300 pesawah rugi RM1.5 juta

500 hektar tanaman mereka diserang penyakit hawar bulir bakteria yang menyebabkan pokok padi rosak

Oleh **WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR**  
**YAN**

timbangan padi yang dituai. Menurutinya, kerugian besar yang ditanggung oleh pesawah menyebabkan mereka perlu mencari modal lain untuk penanaman padi bagi musim seterusnya.

"Hasil tuai tanaman padi di sekitar kawasan Kampung Dulang jatuh teruk dan rendah daripada kebiasaannya akibat penyakit BPB. Kawasan ini terkenal dengan hasil yang tinggi di kawasan MADA tetapi pada musim ini ia turun mendadak.

"Dengan kos yang tinggi ketika mengusahakannya, kini pesawah terpaksa menanggung kerugian dan mereka terkejut dengan keadaan yang berlaku," katanya pada sidang akhbar di Kampung Dulang Kechil dekat sini pada Selasa.

Antara kawasan tanaman padi lain yang turut terjejas ialah Kampung Sedaka, Kampung Sungai Limau, Kampung Sungai Lintang, dan Sungai Udang.

Sementara itu, Abd Rashid berkata, bagi kawasan MADA, pesawah mampu memperoleh hasil padi sehingga lapan tan bagi satu hektar, namun selepas



Abd Rashid (kiri) bersama para pesawah menunjukkan pokok padi yang rosak akibat diserang penyakit hawa bulir bakteria di Kampung Dulang Kechil, Yan pada Selasa.

diserang penyakit itu, hasilnya merosot teruk sehingga separuh.

Dalam pada itu, seorang pesawah, Mohd Rosdi Yahya, 54, berkata, serangan penyakit tersebut boleh dikategorikan sebagai bencana kerana menyebabkan kerugian besar kepada ramai petani, selain tidak racun khusus untuk mengatasinya.

"Bagi musim ini memang kami rugi kerana pendapatan hanya seperuh sahaja. Kami agak tertekan dengan keadaan ekonomi semasa selain kos pertanian yang mahal," katanya.

Seorang lagi pesawah, Harun Ahmad, 63, berharap agar kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian bagi meringankan beban kerugian yang ditanggung mereka.

"Keadaan kami memang teruk. Jika musim lepas satu relung sawah padi boleh dapat hasil sehingga dua tan, tapi musim ini dapat 300 kilogram hingga 1.3 tan sahaja.

"Kami mohon Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), MADA dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) untuk bantu kami dari segi kewangan," ujarnya.

APA Khabar Rakyat kali ini menyoal cabaran di alam golongan nelayan di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering, Kuala Terengganu yang berdepan masalah muara cetek serta kekurangan fasiliti di jeti pendaratan ikan itu.

Isu berkenaan dilihat semakin ketara berlaku dan dikuatirkan akan menyebabkan jumlah pendaratan ikan semakin merosot malah para nelayan juga tidak menolak mungkin semua jenis bot tidak boleh lagi mendarat di situ sekiranya keadaan tersebut tidak diatasi.

Wartawan Sinar Harian, NORHASPIDA YATIM dan RAHAYU MUSTAFA menemui beberapa nelayan untuk berkongsi masalah dialami mereka.

## Pelabuhan cetek sukarkan pendaratan ikan



Keadaan jeti Pelabuhan LKIM Chendering di Kuala Terengganu yang semakin cetek menyukarkan proses pendaratan ikan.

**M**asalah muara cetek di Pelabuhan LKIM Chendering yang berlarutan sejak sekian lama menyukarkan para nelayan terutama pengusaha bot laut dalam untuk masuk ke pelabuhan itu bagi mendaratkan ikan.

Pelabuhan berkeluasan 41 hektar termasuk 33 hektar *harbour basin* (kawasan bot berlabuh) yang mula beroperasi pada 1983 itu merupakan satu-satunya fasiliti pendaratan yang dibina untuk mengendalikannya bot C2.

Seorang nelayan yang hanya ingin dikenali sebagai Kamal, 58, berkata, jeti di pelabuhan itu kini masih boleh digunakan oleh 20 hingga 30 buah bot nelayan kelas A dan B serta terdapat beberapa buah bot kelas C.

Walaupun begitu, katanya, tidak semua bot berkenaan boleh mendarat kerana masalah muara cetek yang semakin ketara berlaku di kawasan ini menyukarkan kesemua jenis bot untuk memasuki pelabuhan itu.

"Masalah ini dipercayai berpunca daripada kerosakan pada bahagian benteng pemecah ombak serta masalah mendapan pasir. Sejak benteng pemecah ombak yang dibina di kawasan ini rosak, ia tidak lagi berfungsi dengan baik menyebabkan pasir-pasir masuk ke pelabuhan ini.

"Masalah itu bertambah buruk apabila berlaku mendapan pasir setiap kali berlaku air pasang yang menyebabkan laluan menjadi semakin cetek sekali gus menghalang bot-bot untuk masuk ke pelabuhan ini. Jika ia tidak segera diatasi, dalam tempoh dua tahun lagi kemungkinan semua jenis bot sudah tidak boleh melalui laluan ini," katanya pada Selasa.

Selain itu, menurut Kamal, masalah kerosakan fasiliti yang disediakan di pelabuhan itu juga menyukarkan nelayan untuk mendaratkan ikan di situ.

"Ada disediakan kren untuk memudahkan nelayan memindahkan ikan dari bot ke pelabuhan. Namun,

alatan itu sudah rosak sejak sekian lama dan sehingga kini tidak dibaiki.

"Begitu juga dengan bekalan elektrik dan air. Kemudahan itu sebenarnya penting bagi golongan nelayan namun ia tidak disediakan dengan lengkap malah tidak mencukupi untuk kegunaan mereka yang tertumpu di sini," ujarinya.

Sementara itu, seorang nelayan yang hanya ingin dikenali sebagai Jusoh, 64, berkata, sejak menjadi nelayan ketika berusia 12 tahun, masalah muara cetek paling ketara berlaku kali ini.

"Dulu kawasan muara yang menjadi pendaratan ikan di sini dalam, jadi tiada masalah bot untuk mendaratkan hasil laut. Sekarang apabila sudah ada jeti, air pula cetek dan keadaan ini menyukarkan nelayan terutama bot laut dalam.

"Seleh isu muara cetek, nelayan di sini turut berdepan masalah untuk mendapatkan bekalan minyak dan air batu," jelasnya.

## Segerakan projek pemulihan pelabuhan Chendering

**KUALA TERENGGANU** - Nelayan mahu kerajaan menyegerakan projek pemulihan muara sungai, di jeti Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering, di sini supaya kegemilangan pelabuhan tersebut sebagai lokasi utama pendaratan ikan dapat dikembalikan.

Seorang nelayan yang mahu dikenali sebagai Mamat, 54, berkata, projek mengorek pasir di pelabuhan itu sepatutnya bermula pada bulan Mac tahun lalu namun sehingga kini ia belum dilaksanakan sekali gus menyebabkan masalah terus berlarutan.

"Sebelum ini, wakil nelayan ada dipanggil untuk memberi cadangan dan idea kepada pelaksanaan projek mendalamkan muara sungai di pelabuhan ini, ia memberi khabar gembira buat kami namun hampa selepas setahun ia belum dimulakan.

"Makin hari muara ini semakin cetek dan bot-bot khususnya bot kelas B ke atas yang masuk mendaratkan ikan terus berkurangan, pelabuhan ini makin suram hingga digelar kompleks kering," katanya.

Menurut Mamat yang sudah hampir 40 tahun bergelar nelayan, kerja-kerja mendalamkan muara sungai pelabuhan Chendering pernah dilakukan sebanyak dua kali sejak masalah muara cetek berlaku namun ia kembali berulang.

Bagaimanapun jelasnya, kerja-kerja mengorek pasir dijangka tidak dapat dilaksanakan pada tahun ini kerana sudah menghampiri musim monsun timur laut.

"Paling awal pun boleh buat bulan April tahun depan selepas monsun timur laut tamat, jadi kami para nelayan terpaksa terus menunggu dan mengharungi masalah ini. Kami benar-benar berharap projek mendalamkan muara jadi kenyataan tahun depan," katanya.

Menurut Mamat, dia percaya pelabuhan itu boleh kembali 'hidup' dan meriah sebagaimana belasan tahun dahulu sekiranya masalah muara sungai cetek dapat diatasi kerana bot bersaiz besar seperti bot laut dalam dapat mendaratkan ikan di sini.

Masalah kerosakan benteng pemecah ombak dan mendapan pasir menyebabkan kawasan jeti Pelabuhan LKIM Chendering di Kuala Terengganu semakin cetek dan menyukarkan laluan bot untuk berlabuh.



# Setanding harum manis

## Keistimewaan pokok mangga Melaka Delite mampu berbuah sepanjang tahun

Oleh Meor Ridiwan Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Keistimewanya mangga Melaka Delite atau varian Chokan MA224 adalah keupayaan pokoknya berbuah sepanjang tahun selain rasanya tidak kalah berbanding mangga harum manis Perlis, ujar pekebun mangga Melaka Delite, Mohd Noor Md Sah dari Kampung Gelam, Tanjung Kling, di sini. Menurutinya, pokok mangga Melaka Delite di kebunnya yang berusia 22 tahun masih berbuah lebat hingga kini selain rasanya kekal manis dan berair.

“Itu antara keistimewaan mangga Melaka Delite yang sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam kalangan rakyat serta pelancong di negeri ini,” katanya semalam. Mohd Noor berkata, ekoran daya tahan pokok mangga berkenaan, dia tidak menyangka pokok asal yang ditanam menerusi projek penanaman besar-besaran mangga Melaka Delite di tanah sawah terbiar di kampung itu sekitar tahun 2000.

“Jika diikutkan Jabatan Pertanian menyarankan po-



Mohd Noor (bagi biru) melayan pelanggan yang sanggup membeli mangga Melaka Delite di gerainya. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

kok mangga ini ditebang apabila mencapai usia tua 15 tahun.

“Namun disebabkan dijaga dengan baik, alhamdulillah semua 15 batang pokok di kebun ini mengeluarkan hasil hingga kini.

“Jika diperhatikan ada pokok mangga ini yang rosak batang atau dahannya, te-

tapi masih berbunga dan menghasilkan buah,” kata Melaka Delite di gerai berhampiran kebunnya itu. Mohd Noor berkata, pada permulaan projek, semua peserta dibantu dari segi anak pokok mangga, baja, racun dan khidmat nasihat selain tapak ladang juga di-

siapkan hasil bantuan Jabatan Pertanian Negeri. Katanya, dia sebelum ini mengusahakan empat hektar tanaman mangga Melaka Delite, namun kini ha-

nya juga agaknya kerana mudahnya berbuah dan berbuah sepanjang masa.

“Penjagaan pokok mangga ini juga agak rumit kerana mudahnya berbuah dan berbuah sepanjang masa. Saya difahamkan mangga Melaka Delite ini juga ada ditanam di negeri lain seperti di Perak, namun hasilnya tidak sebaik di Melaka,” katanya.

nya tinggal tiga ekar atau 1.2 hektar sahaja disebabkan tanah disewa diambil semula pemilik tanah.

“Ketika mula diusahakan, penduduk di kampung ini menubuhkan syarikat bagi menguruskan tanaman mangga Melaka Delite ini.

“Namun kini tidak sampai 20 pekebun yang masih aktif kerana tiada pelapis untuk meneruskan tanaman ini. Akibatnya banyak pokok terbiar, walhal mangga Melaka Delite mempunyai pasaran tinggi dan setanding mangga lain termasuk Harum manis dan mangga diimport dari Thailand,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Noor berkata, mengikut pegawai Jabatan Pertanian pokok mangga Melaka Delite tidak bermusim dan boleh berbuah sepanjang masa.

“Saya difahamkan mangga Melaka Delite ini juga ada ditanam di negeri lain seperti di Perak, namun hasilnya tidak sebaik di Melaka,” katanya.

batang serta lalat buah, sebab itu seminggu sekali saya akan meracun,” katanya. Dia memberitahu mampu memuai minimum satu tan mangga bagi setiap seekar ladang pokok mangga Melaka Delite.

Katanya, setiap mangga yang matang akan dipetik dan disimpan selama tiga hari sebetulnya boleh dipasarkan dan tidak dibariskan masak di pokok bagi mengelak dirosakkan lalat buah.

“Mangga Melaka Delite ini dijual RM7 sekilogram di gerai di sini dan satu lagi di tepi jalan utama Kampung Paya Luboh.

Sementara itu, rakannya, Mohamad Yassin, 74, berkata, jika Harum manis dikatakan hanya sesuai ditanam di Perlis, Melaka Delite pula hanya ‘menjadi’ ditanam di negeri betsejarah ini.

“Saya difahamkan mangga Melaka Delite ini juga ada ditanam di negeri lain seperti di Perak, namun hasilnya tidak sebaik di Melaka,” katanya.

Mangga Melaka Delite dijual pada harga RM7 sekilogram

# Industri padi perlu diperkukuhkan



Varia

Oleh  
**PROFESOR MADYA  
DR. NORSIDA MAN**

**P**ENDUDUK Malaysia diunjurkan meningkat kepada lebih 45 juta orang menjelang 2050, sekali gus meningkatkan permintaan dan penggunaan terhadap makanan.

Peningkatan populasi sesebuah negara sedikit sebanyak menimbulkan pelbagai cabaran seperti masalah agihan makanan dan lain-lain.

Hai ini secara tidak langsung menimbulkan isu sekuriti makanan yang mana dikategorikan sebagai salah satu ancaman dari perspektif keselamatan manusia di peringkat global. Adakah negara bersedia berdepan dengan situasi ini?

Sekuriti makanan boleh didefinisikan sebagai akses bagi semua penduduk ke atas makanan yang cukup untuk hidup sihat dan aktif.

Ia sangat penting terutamanya dalam perkara berkaitan peningkatan populasi, keselamatan makanan, kekurangan nutrisi, akses kepada makanan serta kemampunan sumber.

Di Malaysia, pelbagai dasar dilaksanakan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi.

Misalnya, Dasar Pertanian Negara pertama hingga Dasar Pertanian Negara ketiga (1984-2010), Dasar Agromakanan Negara (2011 hingga 2020) dan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta pengeluaran padi menjadi perhatian utama dalam setiap Dasar Pertanian Negara yang dilaksanakan.

Pertanian padi berperanan sebagai tunggak utama kepada jaminan bekalan makanan negara.

Bagaimanapun, pelbagai masalah, isu dan cabaran tetap dihadapi dari



**PENANAMAN** padi di negara ini memainkan peranan sebagai tunggak utama dalam memastikan bekalan makanan terjamin setiap masa kepada rakyat. - GAMBAR HIASAN

tahun ke tahun oleh subsektor ini dalam mengekalkan atau menambah fungsinya.

Pemahaman secara menyeluruh mengenai masalah pertanian padi negara boleh membantu kita merungkilkan isu jaminan bekalan makanan yang hangat diperkatakan sekarang.

Antara masalah sinonim dengan subsektor padi dan beras adalah penurunan kawasan penanaman, pengurangan bilangan petani, infrastruktur serta fasiliti kurang dinamik, peningkatan kos input seperti baja dan benih serta perubahan cuaca.

Kekurangan pendedahan terhadap aplikasi teknologi moden dalam pertanian turut mencengkam isu ini. Secara dasarnya, pengukuhan keseluruhan rantaian bekalan perlu dijadikan agenda utama dalam mempertingkatkan keupayaan industri padi negara.

Agensi kerajaan dan bukan kerajaan perlu berganding bahu dalam menjayakan usaha tersebut. Misalnya, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Lembaga Kemajuan Pertanian

Kembu (Kada) dan beberapa Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) perlu terlibat dalam pemantauan kemajuan pertanian padi di Malaysia.

Ia terutamanya dalam pengurusan Infrastruktur pertanian, pengukuhan perkhidmatan sokongan dan pengurusan ladang, penyediaan perundangan melalui program dan memperkukuh agensi perkhidmatan.

Jabatan Pertanian pula berperanan membangunkan pertanian padi di luar kawasan jelapang.

Penglibatan aktif syarikat swasta seperti Padiberas Nasional Berhad (Bernas), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan lain-lain dilihat sebagai perintis inovasi subsektor padi dan beras negara.

Bernas sebagai contoh, terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam mengimbangi keperluan negara, pengguna dan pesawah.

Setelah mengambil alih peranan Lembaga Padi dan Beras Negara lebih dua dekad lalu, Bernas kini mempunyai peranan penting dalam menjamin keselamatan makanan negara.

Antara mandat yang diberi melalui tanggungjawab sosialnya adalah mengurus serta menyelenggara stok simpanan beras negara agar ia cukup dan selamat untuk sebarang keadaan serta risiko mendatang.

Umum mengetahui, Malaysia mengimport lebih kurang 30 peratus beras dari negara luar bagi mencukupkan kadar sara diri.

Dari sudut positif, pengimportan ini menjamin kecukupan bekalan beras sekiranya terjadi masalah gangguan pembekalan dalam negara.

Selain itu, Bernas dan Nafas kini semakin giat mengembangkan lagi kawasan penanaman padi berskala besar, SMART SBB di seluruh negara.

Ia satu inisiatif diperkenalkan kerajaan untuk meningkatkan hasil pendapatan pesawah di seluruh negara dengan menyalaras sistem pengurusan ladang secara berkelompok.

Pelaksanaan SMART SBB seiring dengan matlamat MART bagi

meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSD) beras negara sebanyak 75 peratus dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekuriti makanan negara bukan hanya berfokuskan pengeluaran makanan utama iaitu beras sahaja, tetapi juga sumber makanan lain seperti ayam, telur, daging dan sebagainya.

Industri ternakan sedang menghadapi masalah kritikal ketika ini kerana harga import makanan asas ternakan semakin tinggi dan harganya mahal di pasaran.

Bagi mengatasi masalah itu, Bernas bersama FGV Integrated Farming telah membangun produk makanan ternakan berkualiti tinggi baru-baru ini.

Produk berjenama ALMA ini merupakan formula baharu makanan ayam kampung menggunakan hasil sampingan daripada pengilangan padi dan beras seperti dedak dan sekam padi bermutu tinggi.

Kolaborasi strategik ini membuktikan kesungguhan mereka dalam mengoptimalkan penggunaan sumber, mengukuhkan rantaian nilai produk agromakanan untuk pasaran domestik, sekali gus mendukung teras utama kerangka sekuriti makanan negara.

Dari sudut penyelidikan dan pembangunan (R&D) pula, usaha berterusan dalam menghasilkan input pertanian seperti benih dan baja berkualiti amat diperlukan.

Kesimpulannya, sektor pertanian khususnya industri padi dan beras, memainkan peranan penting dalam mengatasi isu sekuriti makanan.

Pembangunan sektor ini juga amat penting bagi meningkatkan tahap sara diri dalam bekalan beras negara.

Semestinya gabungan strategik serta pembabit dan penyelarasan fungsi antara kerajaan dan swasta yang terlibat memainkan peranan penting dalam memastikan Dasar Agromakanan Negara 2.0 tercapai.

**PROFESOR MADYA DR. NORSIDA MAN** dari Jabatan Perladangan Tani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM).



**INDUSTRI** ternakan kini menghadapi masalah kritikal kerana harga import makanan asas ternakan semakin tinggi dan harganya mahal di pasaran. - GAMBAR HIASAN

## RISING PRICES

## CURB FOOD PRODUCTION COST



The government should continue helping the agriculture sector with short-term measures. FILEPIC

**T**HE surge in prices of commodities and intermediate products, especially those linked to agriculture, has resulted in a higher producer price index (PPI).

PPI measures the average changes in prices received by domestic producers for their output.

As of early June, Bank Negara Malaysia (BNM) reported that the PPI and consumer price index (CPI) had increased by 11.2 and 3.6 per cent respectively.

This shows that producers are absorbing the higher cost of production, which has dampened their cash flow.

Eventually, producers will transfer rising costs to consumers by increasing the prices of goods and services.

This is inevitable if the government has not taken steps to mitigate the increasing cost of production, i.e. controlling the supply side of inflation.

PPI is a strong indicator for the CPI, especially when inflation is due to supply-push rather than demand-pull inflation.

BNM reported that the main contributors to higher PPI were

the mining sector at 20.6 per cent, followed by agriculture, forestry and fishing at 11.6 per cent.

The ballooning cost of processing crude and intermediate materials, supplies and components had contributed to higher prices of food products by approximately 5.2 per cent.

In spite of short-term measures to prevent inflation from accelerating, the solution lies in medium-term and long-term policies.

Nevertheless, short-term policies on the supply side are essential to reduce the cost of production. Here, subsidies should be directed towards curbing the rising cost of production and administering forward-shifting behaviour of businesses.

A few immediate measures can be rolled out. First, Malaysia depends on imported seeds, which makes agriculture vulnerable to changes in the prices.

Hence, subsidies to import seeds of food crops, such as vegetables and other agricultural products, should be given to alleviate rising cost in agriculture, forestry and fisheries.

Second, shortage of animal feed caused by economic sanctions on

Russia for the Ukraine conflict and climate change has pushed prices up.

Therefore, subsidising animal feed is necessary because it constitutes 70 per cent of poultry's production cost. Stopping it reduces the supply of poultry, which raises the prices.

Subsidies for small and medium enterprises can increase the supply of meat products and output of animal produce, strengthening SMEs and weaken the influence of cartels in the supply chain.

Finally, worker shortages and higher labour cost in agriculture also contribute to inflation. Subsidies to hire locals on minimum wage alleviates higher production cost.

The subsidy is to compensate local producers who have to bear higher cost due to the increase in wages. This can also boost the supply of labour in the market and overcome labour shortages in agriculture.

Furthermore, subsidising the employment of locals motivates households to enter the workforce instead of relying on government handouts.

Extensive cash handouts not only result in a complacent workforce but also limit availability of funds for

development and welfare measures.

Subsidies are a short-term measure to put off the immediate effects of inflation on people.

Finally, the transformation of agriculture is long-overdue after decades of neglect. The transformation should include greater use of biotechnology and modern technology, as well as research to reduce costs and increase productivity.

Besides, the emergence of the new economy increases the interdependency of all economic sectors.

Consequently, it is crucial to have a holistic view to integrate agriculture, manufacturing and the services sector to stimulate economic growth and meet the goals of a sustainable economy and long-term prosperity for Malaysia.

**DR CHAN SOK GEE**

Associate professor, Institute of China Studies, Universiti Malaya

**DR ZULKUFLY RAMLY**

Associate professor, Department of Finance, International Islamic University Malaysia

## FOOD CONTAMINATION

## Cleanliness, hygiene important for eateries

**T**HE recent closure of several food premises by the Klang Municipal Council is to be lauded. Effective enforcement is a rarity these days.

Many a time grouses have been voiced in the media and elsewhere, but it has been falling on deaf ears for far too long.

So, it was a pleasant surprise to know of the two-week closure of eateries for failure to make sure that their food were free from potential contamination.

Talking about food, it's a known fact that there is nothing like home-cooked food.

When people do eat outside, it could either be for want of a change, they have no other alternative, or for some other reason best known to themselves.

They put their faith in the hands of the management, cook and the other staff to serve them food according to regulations related to food preparation.

Consumers expect restaurants they patronise to be clean and practise good hygiene. It's grossly unethical not to do so.

When you run a business, the onus is on you to keep patrons satisfied in order for them to come back on a regular basis.

One has to think of long-term investment. Or else, in no time you would have to close shop.

The order to close the restaurants and food courts is a timely lesson for others in this business to take heed.

It's great on the part of the authorities to act without fear or favour for the good of the public at large.

I sincerely hope that this exercise is an ongoing one, so that the culture of cleanliness and good hygiene is the norm everywhere.

The public, too, can play their part by working with the authorities in making the eateries a welcome site to frequent.

At the end of the day, what really matters is work ethics. If every person does his part with integrity, the public will feel safe to go to any eatery and a feeling of living in harmony will prevail.

**THIAGARAJAN MATHIAPARANAM**  
Klang, Selangor